



Feri kurang, industri pelancongan Langkawi rugi

LANGKAWI: Isu kekurangan perjalanan feri ke sini menyebabkan pemain industri pelancongan terpaksa menanggung kerugian apabila ada pelancong yang terpaksa menangguhkan atau membatalkan tempahan hotel mereka pada saat akhir.

Tinjauan *Utusan Malaysia* di sini mendapati, ada beberapa pemilik premis penginapan dan ejen pelancongan yang mendapat aduan daripada pelancong

“Apabila ini berlaku, kami akan memberi peluang kepada pelancong ini untuk meminda tarikh penginapan, tetapi kami tetap menanggung kerugian kerana bilik yang kosong ini tidak boleh dijual pada saat akhir,” katanya di sini, semalam.

Bagi seorang ejen pelancongan, Mohamad Azzuddin Azmi, 34, menyatakan ada pelancong yang telah tiba di Terminal Feri Kuala Perlis pada awal pagi, tetapi

TERMINAL feri Kuala Perlis sesak dengan kehadiran pelancong yang ingin menggunakan perkhidmatan tersebut ke Pulau Langkawi tetapi kebanyakan mereka hampa apabila tiket feri habis di Kuala Perlis semalam - **UTUSAN/ASYRAF MUHAMMAD.**

Terminal feri Kuala Perlis sesak dengan pelancong

1,000 pelancong terkandas, tiket habis

Oleh ASYRAF MUHAMMAD
utusannews@mediamulia.com.my

KANGAR: Sekitar 1,000 pelancong yang ingin ke Pulau Langkawi semalam terkandas selepas tiket di terminal feri Kuala Perlis habis sekali gus mengundang kesesakan luar biasa di situ.

Sebahagian besar pelancong tersebut hampa apabila tidak dapat menaiki feri di terminal berkenaan selepas tiket habis terjual seawal pukul 10 pagi.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, pemilik syarikat pelancongan, Faizul Abidin, 39, berkata, dianggarkan 1,000 pelancong terkandas dan terpaksa membeli tiket pada tarikh lain disebabkan oleh masalah kekurangan perkhidmatan feri di terminal berkenaan.

Katanya, hanya sebuah syarikat feri sahaja yang menguruskan perkhidmatan tersebut di terminal ini dengan kekerapan perjalanan tidak mementu setiap hari.

“Ramai pelancong luar tidak mendapat tiket hari ini dan terpaksa menangguhkan perjalanan ke Pulau Langkawi ke tarikh lain. Kebanyakan pelancong yang terkandas itu ter-

diri daripada mereka yang ingin membeli tiket secara terus di kaunter,” katanya.

Difahamkan, perkhidmatan feri penumpang dan kenderaan (roro) yang terdapat di terminal tersebut turut dikatakan kehabisan tiket susulan pertambahan mendadak pelancong ke Pulau Langkawi.

Dalam pada itu, Faizul berkata, pihak pengurusan sepatutnya memperuntukkan kuota sama rata bagi pembelian tiket dalam talian dan secara terus di kaunter bagi mengelakkan masalah berkenaan berlaku.

“Sepatutnya mereka sediakan peruntukan tiket sama rata untuk pembelian di kaunter dan dalam talian malah jumlah feri juga perlu ditambah.

“Pihak berkaitan sewajarnya membenarkan lebih banyak syarikat feri lain untuk beroperasi di terminal ini dan bukan hanya dimonopoli oleh sebuah syarikat sahaja,” katanya.

Dalam pada itu, seorang pelancong dari Kuantan, Pahang, Md. Rosli Yahya, 47, berkata, dia bersama enam ahli keluarganya terpaksa menangguhkan perjalanan pada keesokan hari disebabkan kehabisan tiket feri

ke pulau peranginan tersebut.

Md. Rosli berkata, situasi tersebut telah menyukarkan mereka sekeluarga selepas tempahan bilik hotel dan pengangkutan telah dibuat awal sebelum ini.

“Kami tidak beli tiket feri awal kerana beranggapan boleh membelinya secara terus di kaunter namun apabila sampai pagi tadi barulah kami dimaklumkan yang tiket sudah habis. Jadi kami kena bermalam di sini dahulu dan menaiki feri pada esok hari berikutan kekurangan perkhidmatan feri di sini,” katanya.

Dalam pada itu, seorang pembantu kedai, Adam Ridwan, 23, berkata, syarikat pengurusan feri perlu menambah perkhidmatan feri memandangkan jumlah pelancong semakin bertambah sejak kebelakangan ini.

Katanya, pembelian tiket feri secara dalam talian perlu dibuat awal memandangkan jualan laris khususnya pada cuti umum dan hujung minggu.

“Saya kerap menggunakan perkhidmatan feri untuk pulang ke kampung di Sungai Petani, Kedah dan kebiasaannya tiket yang dijual dalam talian ini lebih cepat habis,” katanya

yang tidak dapat menaiki feri kerana telah kehabisan tiket.


Pemilik chalet di Pantai Chenang, Zainol Husin, 55, berkata, isu kekurangan perjalanan feri ini sudah berlarutan sejak Langkawi dibuka semula untuk pelancongan pada September tahun lalu.

“Saya pernah ada pembatalan hingga 12 bilik kerana kumpulan pelancong yang telah menempah bilik tersebut tidak dapat membeli tiket feri pada saat akhir.

tiket feri telah habis dijual.

“Saya beritahu kepada pelanggan, boleh cuba untuk menaiki feri roro (*feri roll on roll off*), tetapi kuota untuk penumpang adalah terhad dan pelanggan saya bernasib baik kerana mereka tiba awal di Kuala Perlis.

“Walau bagaimanapun, ada pelanggan saya di Langkawi yang terpaksa menyambung penginapan mereka di sini kerana tiket feri untuk keluar dari Langkawi juga telah habis,” ujarnya.



PELANCONG yang ingin bercuti ke Pulau Langkawi kelihatan bersesak-sesak memasuki balai pelepasan di Terminal feri Kuala Perlis semalam. - UTUSAN/ASYRAF MUHAMMAD